

## TWEET!! PERSIDANGAN BURUNG SINGAPURA

Harry Aveling

Monash University, Australia; [harry.aveling@monash.edu](mailto:harry.aveling@monash.edu)

DOI: 10.17510/paradigma.v8i2.236

### ABSTRACT

Religions have become the main topics in the novels by a prolific Singaporean author, Isa Kamari (born in 1960). His understanding and interpretation of religions have begun to develop with the writing of his first novel *Satu Bumi* (One Earth) in 1998. His latest novel, *Tweet* (2016) was influenced by an allegorical and mystical work, *Persidangan Burung* (Bird Conference) (c.1177). Two main narratives, one in the form of a physical nature between a grandfather and his grandson in a bird garden in Singapore and the other in the form of a spiritual nature concerning spiritual birds, ran parallel and converged at a number of important crossroads. These narratives also offered an understanding and appreciation of spirituality that could change and form life on earth in positive and integrated manners that eventually led to goodness rather than to escape from it.

### KEYWORDS

Persidangan Burung; Isa Kamari, Islam; Singaporean Malay dilemma; *Tweet*.

### Pengantar<sup>1</sup>

Novel ini menjadikan taman burung Jurong di Singapura sebagai latar belakang naratif. Bermula dari nukilan yang mirip ujaran mendiang Perdana Menteri Singapura, isu-isu kontemporari politik, sosial, dan ekonomi Singapura disorot dalam perbualan antara seorang datuk dan cucunya secara ringan dan bersahaja. Begitu juga, burung-burung di taman itu membicarakan sikap dan tumpuan manusia yang hidup dalam lingkungan tersebut sebagai bahan renungan. Di samping itu, satu lagi naratif masyhur tentang pencarian sekumpulan burung spiritual terhadap raja mereka, Simuk dipancarkan kembali dan berjalan selari dengan naratif pertama.

Kedua-dua naratif tersebut bertembung melalui watak “Green Man”, Pemuda Hijau, yang mengimbau watak Nabi Khidr yang merentasi zaman dan alam. Melaluinya pengarang mengajak pembaca menilai kembali makna dan penghayatan kerohanian yang lebih akrab dengan kehidupan pada zaman sekarang.

Dalam penghasilan karya sastera di Nusantara, jarang ditemukan karya yang menggarap kedua-dua aspek kehidupan lahiriah dan rohaniah sebagai teras pembicaraan secara ampuh dan berkesan. Penelitian

---

<sup>1</sup> *Paradigma: Jurnal Kajian Budaya* berterima kasih kepada Bapak Harry Aveling atas sumbangan artikel yang berbahasa Malaysia. Kami menganggap bahwa Bahasa Malaysia dan Bahasa Indonesia bersaudara dalam rumpun bahasa Melayu dan berharap akan ada artikel berikutnya yang ditulis dalam bahasa Melayu.

ini mengemukakan *Tweet* sebagai karya yang wajar digali dan direnungkan dengan serius kerana ia menawarkan landasan bagi pembangunan spiritualisme yang bertenaga dan mendepani cabaran kehidupan pada masa kini.

### ***Tweet!!*: Persidangan Burung Singapura**

*Kamu bercangkung dalam perigi kegelapan  
Rebah dalam penjara kesengsaraan:  
Terbang keluar dari penindasan yang dalam  
Dan terbang ke langit Kekasih.*

*Seperti Yusuf, tinggalkan perigi dan penjara  
Untuk jadi raja Mesir terbilang.  
Apabila kamu tiba di istana megah  
Yusuf yang jujur akan menjadi temanmu.*

Isa Kamari dilahirkan di Singapura pada 1960, mendapat ijazah dalam jurusan senibina dari Universiti Nasional Singapura pada 1989, dan terus menetap, bekerja dan menulis di pulau republik tersebut. Beliau juga mempunyai hubungan rapat dengan Malaysia. Pada 1960 Singapura belum lagi terpisah secara politik dengan Semenanjung Malaysia; Isa juga meraih ijazah Sarjana Falsafah dalam Persuratan Melayu dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2008; dan yang terpenting kebanyakan karyanya telah diterbitkan di Kuala Lumpur sama ada dalam bahasa Melayu atau terjemahan Inggeris. Novel terkini beliau, *Tweet*, walaupun terbit di Singapura, juga ditulis dalam bahasa Inggeris secara langsung. Jika bahasa Inggeris menawarkan peluang yang membolehkan karya sampai ke audien yang lebih luas jika dibandingkan dengan karya yang ditulis dalam bahasa asal kaum, maka kita dapat menerima hakikat bahawa karya Isa berada dalam kedudukan yang baik bagi perbincangan dengan pembaca di Malaysia.

Dalam tulisan ini saya ingin menumpukan pada aspek penting dalam tulisan Isa, iaitu pengaruh *Persidangan Burung* karya Attar pada novel terkini beliau, *Tweet*.<sup>2</sup> Pemikiran Isa adalah berani dan mengundang tengkarah, sehingga bagi sesetengah pembaca dianggap sebagai bidaah. Dari sudut yang tidak menghukum, tulisan Isa mengenai Islam dapat dilihat sebagai usaha tekal membahaskan perihal ciri-ciri “Sastera Islam” yang bermula selepas 1975.<sup>3</sup> Dengan berbuat demikian, beliau berhadapan dengan topik-topik mencabar seperti keraguan, interpretasi peribadi, dimensi kerohanian dalam peralihan masyarakat serta pengalaman mistik yang jarang dibahaskan dalam sastera Melayu Semenanjung dan Indonesia.<sup>4</sup> Dari perspektif *Anglophone* beliau meneroka dengan mendalam suatu subjek yang sering dipaparkan sebagai tidak lebih daripada sebahagian daripada rangkaian tanda luaran budaya, warna setempat.<sup>5</sup> Maka itu, beliau dapat menawarkan perspektif lain dan baharu dalam pemaparan berbagai pandangan hidup dalam sastera di rantau ini kepada kita.

### **Farid ud-Din**

Farid ud-Din Attar dianggap sebagai salah seorang daripada penyair sufi Parsi terhebat di zaman kebangkitan sastera pada kurun ke dua belas dan tiga belas, didahului hanya oleh Jalal al-Din Rumi (1207–1273). Hingga sekarang bukunya *Mantiq-al tayr* (*Persidangan Burung*) dinilai tinggi kerana “keupayaan dan kesungguhannya menyalurkan dan memaparkan hasratnya ke dalam puisi”, kecanggihan pemaparannya, keikhlasan dan

pengabdian pada jalannya, gaya yang mudah difahami dan kuat mendorong, dan ciri praktikal dalam petunjuk yang diajukannya kepada pelbagai generasi pencari kebenaran (Fatemeh Keshavarz 2006, 124). Seperti dalam nukilan Walter Benjamin (1923), teks mempunyai hayat yang berterusan. Melalui terjemahan dan pemaparan semula ke bahasa lain, ia diceritakan kembali, diberi konteks baharu dan diimajinasikan dengan cara yang dicorak bahasa, budaya dan konvensi sastera dan pelbagai pandangan hidup yang kemudiannya diserap, walaupun secara zahir ia kelihatan sebagai sastera bertulis yang stabil. Dalam tulisan ini saya ingin meneroka beberapa cara di mana *Persidangan Burung* telah diubah bentuk dalam novel terkini pengarang besar Singapura, Isa Kamari.

## Persidangan Burung

Kebanyakan yang kita tahu mengenai pengarang *Persidangan Burung* ialah legenda. “Farid ud-Din” dan “Attar” ialah nama samaran Abu Hamed Mohammad b. Abi Bakr Ebrahim. Nama yang pertama melambangkan “Yang Unik dalam Iman”; nama yang kedua, bahawa beliau ialah pembancuh minyak wangi. Mungkin beliau dianggap sebagai wangi kerana ketakwaannya. Beliau tinggal di Nishapur di bahagian timur laut Iran. Tahun kelahirannya kira-kira antara tahun-tahun 1120 ke 1157 CE; tarikh kematiannya diletakkan pada tahun di antara 1193 and 1235 CE. Pada mohor buku *Persidangan Burung* tercatat bahawa buku tersebut siap pada 1177 CE, maka tarikh kelahirannya yang awal mungkin lebih wajar dan tarikh kematiannya yang lebih lewat lebih mustahil. Kemungkinan beliau terdidik di sekolah Ilmu Kalam yang berdekatan dengan makam Imam Reza di Mashad, dan mungkin telah mengembara ke Mesir, Damsyik, Makkah, Turkistan dan India. Sama ada beliau ialah seorang Sufi, dan jika sedemikian, di bawah naungan mazhab yang mana, masih luas dibahaskan. Satu versi cerita mengennainya mencatatkan:

Seorang fakir menatap kedai Attar, matanya digenangi airmata, kemudian beliau berdesah. “Apakah yang kamu tatap? Lebih baik kamu teruskan perjalanan,” kata si pembancuh ubat. “Tuhanku tidak menitikberatkan itu semua,” kata si fakir. “Aku tidak punya apa-apa selain pakaian tua dan lusuh, tetapi apakah yang akan kamu buat pada uncang serta tempayan berisi ubat-ubat yang berharga? Aku boleh meninggalkan bazar ini bila-bila masa yang aku ingini, tetapi bagaimana kamu akan meninggalkan dunia?” Attar menjawab dengan tergesa-gesa: “Dengan cara yang sama seperti kamu!” Kemudian fakir itu meletakkan mangkuk sedekahnya di atas lantai, membaringkan kepala di atasnya, menyebut “Tuhan” dan mati sejeusnya. Attar menutup kedainya dengan sertamerta dan memulakan pencariannya terhadap mursyid-mursyid Sufi. (Dari Nafahat al-uns oleh Jami, 1414–1492, diceritakan kembali oleh Este’lami 2006, 57, Ailar dan Amin, tiada tarikh: 53, Afkham dan Davis 2011, xi, dan Wolpe 2017, 12).

Penyair Sufi terbilang, Maulana Rumi (1207–1273 CE), yang pernah menerima restu daripada Attar ketika kecilnya, pernah mencadangkan bahawa Attar tidak mempunyai mursyid dan diangkat di dalam mimpi oleh ruh Mansur al-Hallaj (858–922 CE). Pada usia lanjutnya, beliau telah dihukum atas tuduhan menyampaikan bidaah dan dibuang negeri untuk seketika, harta-bendanya dirampas dan buku-bukunya dibakar. Beliau telah menulis sekurang-kurangnya lapan buku (mungkin sebanyak 40 buku kesemuanya), yang termasyhur ialah *Mantiq-al taysr (Persidangan Burung)*. Kemungkinannya Attar dibunuh di Nishapur oleh tentera Mongol yang dalam perjalanan ke Baghdad. Ada ceritanya juga:

Bila tentera Mongol melanggar Nishapur, mereka menangkap Attar. Terdapat seseorang yang menawarkan bayaran bagi pembebasannya dari penjara, namun Attar menasihati agar jangan menukar dirinya dengan wang perak. Maka tentera Mongol yang mungkin mengharapkan wang emas menolak tawaran tersebut. Kemudian seorang lagi datang lalu menawarkan wang emas.

Sekali lagi Attar menasihati agar menolak tawaran itu. Tentera Mongol menolaknya sekali lagi kerana sifat tamak mereka. Akhirnya datang seseorang dengan seekor keldai. Melihat Attar dirantai, beliau menawarkan seikat rumput kering sebagai tukaran dengan nyawa penyair tersebut. Attar kemudian mendesak tentera tersebut agar menerimanya, dengan berkata: "Sekarang kamu telah ditawarkan dengan sesuatu yang sejajar dengan nilaiku." Setelah mendengar ujaran itu, tentera tersebut menjadi berang lalu memenggal leher Attar dengan pedangnya ... (Wolpe 2017, 13)

*Persidangan Burung* memaparkan perjalanan sekumpulan burung yang mencari Simurgh, Raja mereka di bawah pimpinan burung Hudhud (juga dikenali sebagai green peafowl atau lapwing). Simurgh ialah burung mistik yang wujud sekian lama dalam sastera Parsi sejak zaman Majusi. Ia merupakan wakil Tuhan, di dalam dan di luar alam yang tercipta, termasuk dalam kematian dan kebangkitan semula. Simurgh juga sering dikaitkan dengan burung Phoenix (Tabriztchi 2003, 440–441). *Persidangan Burung* menceritakan bahawa Simurgh dicipta daripada sehelai bulu dari "Keindahan Terhebat" di China (Wolpe 2017, 46), dan mempunyai "Keagungan yang tiada taranya/melangkau sebarang pemikiran dan pemahaman lalu/ seperti berjuta matahari, berjuta bulan, dan seterusnya ..." (Wolpe 2017, 324). Ia adalah Tuhan, dan pencarian terhadap Simurgh ialah pencarian terhadap Yang Maha Kudus.

Wolpe (2017) memecahkan *Persidangan Burung* kepada beberapa bab berikut:

- (1) Prolog (baris 1–616), yang terpisah dari teks utama dan merangkumi: Puja dan Puji ke atas Tuhan, Abu Bakr dan Usman, "Khalifah Rasyidin" kedua dan ketiga; pujian ke atas Ali, menantu Nabi; lain-lain tokoh termasuk Bilal, seorang hamba Habsyi yang merdeka, dan Rabi'ah, salah seorang terpenting daripada wanita mistik Islam.
- (2) Burung-burung di dunia berkumpul (617–681). Selain daripada Hudhud, Attar menamakan dua belas jenis burung, ada yang setempat, ada yang eksotik, termasuk merpati, nuri, ayam hutan, helang dan burung cakar emas.
- (3) Burung-burung bersidang dan mengajukan alasan tidak mahu menurutinya (682–1163). Alasan tersebut termasuk kesilapan dalam menyanjungi, kepalsuan beragama, keterikatan yang remeh, keserakahan, riak, ambisi, hasrat yang tersasar, sifat kebendaan, kerendahan hati yang palsu dan lain-lain.
- (4) Burung-burung bersiap-siap untuk perjalanan (1164–1601).
- (5) Burung-burung hampir memulakan perjalanan (1602–1743). Mereka melantik seorang pemimpin.
- (6) Burung-burung merungut dan bercakap besar (1744–2232). Kelemahan mereka selanjutnya merangkumi kedaifan, dosa, kesangsian, keakuan, takabur, ketamakan dan kemewahan.
- (7) Burung-burung menyuarakan ketakutan mereka (2233–2484), yang berdasarkan kehilangan cinta, takut mati dan nasib malang.
- (8) Burung-burung bertanyakan tentang Kekasih (2485–3245). Jawapannya dikaitkan dengan nilai-nilai murni seperti ketaatan dan kecekalan, pengorbanan, kesungguhan dan kesabaran, keadilan dan kesetiaan, keberanian, kebahagiaan sejati, kasih dan pengabdian jitu; dan beberapa nilai negatif seperti keakuan dan mencari kesalahan.
- (9) Tujuh lembah (3246–4158), iaitu lembah pencarian, cinta, ilmu, zuhud, kesatuan, keasyikan dan yang terakhir, lembah kemiskinan dan kepupusan yang menandakan tahap perjalanan mistik. Bait-bait puisi merakamkan dengan terperinci penghayatan psikologi dan rohani yang berkaitan dengan setiap tahap dalam perjalanan spiritual itu.

- (10) Perjalanan burung-burung (4159–4482). Dalam dua puluh baris sahaja, burung-burung digambarkan telah tiba di pintu Simurgh. Mereka dibenarkan masuk, walaupun pada mulanya dikekang, bertemu Simurgh, dan akhirnya kembali kepada Kesirnaan. Setelah menyedari – sebagai bayangan Tuhan – sifat peribadi mereka akhirnya terhapus.
- (11) Epilog (4483–4724),<sup>7</sup> yang membincangkan diri Attar sendiri dan sifat Ilmu Yang Benar.

Suatu bentuk perjalanan spiritual yang lebih ringkas dan menawarkan paradoks yang ekstrim digambarkan dalam terjemahan Afkham dan Davis:

Cinta akan mengarahkanmu ke Kemiskinan,  
 Dan Ia akan menunjukkanmu ke arah Keengkaran.  
 Apabila tiada lagi Kekafiran dan Keimanan,  
 Tubuh dan Diri telah terbunuh.  
 Maka dengan ketabahan yang cecal Jalan itu akan bertanya  
 Adakah milikmu, dan kamu memang layak untuk tugas kami. (1185–1191)

Jalan itu bermula dengan cinta. Ia menjurus ke arah kemiskinan mendalam terhadap kebendaan. Kemudian ia mengarah ke “kekafiran” dan “keimanan”, tahap mistik di luar jangkauan bahasa dan doktrin ortodoks, menakluki penderitaan lahiriah dan keterbatasan ego. Ia merupakan tahap di mana diri-diri yang terbiasa dengan kefahaman secara harfiah tidak dapat mengerti. Al-Hallaj dihukum bunuh secara kejam kerana mengatakan: “Aku Hak”. Junayd (830–910) bernasib baik dengan mendirikan mahzab Sufi yang “waras” yang bergantung pada logika untuk mempertahankan mereka yang mengamalkannya dan membingungkan musuh-musuhnya.

Pencarian tersebut merupakan tema utama buku tersebut. Namun begitu, lebih banyak perhatian diberikan kepada emosi dan nilai moral daripada aktiviti burung-burung. Puisi tersebut dikonsepskan beroperasi pada dua laras. Terdapat dialog di antara hudhud dengan burung-burung. Setiap burung memiliki kelebihan dan kekurangan dan harus belajar mengukuhkan keperibadian agar bersedia memulakan perjalanan. Kedua, apa yang tidak dijelaskan dalam ringkasan di atas ialah, setiap rangkaian pengajaran moral membentuk satu rangka untuk memaparkan hikayat-hikayat yang berkaitan dengannya. Hikayat-hikayat tersebut mengajukan pelbagai tokoh, termasuk ahli Sufi yang masyhur atau tidak dikenali, para khalifah dan nabi serta sosok dalam tradisi agama hanif yang dipelopori Nabi Ibrahim, tokoh sejarah dan fiksi dan lain-lain (Tavakoli 2014). Misalnya, hikayat tersebut menceritakan tentang sheikh yang tinggal di kedai arak, seorang saudagar yang jatuh cinta dengan pembantu rumahnya, Tuhan yang menegur Musa, seorang fakir lapar yang marah terhadap Tuhan, Rabi’ah yang tidak dapat mengunjungi Ka’abah di Makkah kerana beliau berada dalam keadaan haid, seorang tua yang cuba mencari kebahagiaan dengan membida untuk mendapatkan seorang hamba muda yang kacak walaupun dia tidak mampu ... seolah-olah tiada aturan serta had pada urutan cerita yang muncul. Hikayat-hikayatnya adalah jelas dan menghiburkan. Seperti kata Sholeh Wolpe: “Persidangan Burung mengandungi perbualan lincah, pathos, hiperbola cerdas, jenaka bijak, imaginasi puitis, dan kejutan ... ia diceritakan dengan lembut dan gaya yang mudah.” Hikayat-hikayat ini bukan saja mengajar; “ia juga untuk dinikmati” (Wolpe 2017, 23).

Apabila pencarian berakhir, burung-burung itu dipersilakan masuk ke balai raja dan bertemu Simorgh Agung:

Mereka terkedu.  
 Mereka terpukau  
 Dan semakin terpesona  
 Ketika melangkah ke hadapan.  
 Mereka terlihat bagaimana mereka sendiri  
 ialah Simorgh Agung,  
 Selama ini, Simorgh sebenarnya,  
 Si, tiga puluh, morgh, burung ...

Terdapat tiga puluh burung dan “Simorgh” bermakna tiga puluh burung dalam bahasa Parsi. Kebenaran yang mengejutkan adalah “Simorgh ialah mereka, dan mereka ialah Simorgh.” (Wolpe 2017, 331). Tuhan ialah Haq; segala yang lain ialah bayangan Nya. Burung-burung tersebut tidak menjadi Nya, mereka dicipta oleh Nya dari asal.

### **Tweet**

Tweet merupakan novel pertama Isa Kamari yang ditulis keseluruhannya dalam bahasa Inggeris. Walaupun digubah dengan bahasa mudah, ia bukan buku kanak-kanak. Berlainan dengan novel-novel sebelumnya, ia tidak membicarakan pengganasan; juga ia tidak membahaskan perihal masyarakat Melayu. Novel tersebut mengandungi dua jalur. Jalur pertama, bersifat zahir, ialah naratif keluarga mengenai kunjungan ke sebuah taman burung<sup>8</sup> oleh seorang tua, Jati, dengan cucunya yang berumur sebelas tahun, Ilham yang merupakan kombinasi tokoh rentas generasi dalam hasil karya Isa (78). Jalur yang lagi satu, bersifat spiritual, memaparkan rangkaian cerita burung, kebanyakannya berurutan dan berdasarkan Persidangan Burung.

Perbualan di antara Ilham dan datuknya bermula dengan pertanyaan eksistensial: “Kenapa saya di sini?” (2). Pertanyaan yang lebih mudah ialah: bila besar budak itu hendak jadi apa? (3). Dia mencadangkan jadi raja, atau sekurang-kurangnya presiden Singapura (7). Perbualan diteruskan ketika mereka mengunjungi atau menghindari beberapa jaringan. Perbualan tersebut perlahan-lahan membuka kesedaran sosial dan spiritual Ilham. Pada kebanyakan masa, apa yang terpapar sebagai percakapan burung-burung dalam taman sebenarnya merupakan sindiran tajam terhadap keadaan masyarakat Singapura pada masa kini. Dialog tersebut membahaskan isu seperti meritokrasi (20), hubungan jantina (31–34), perkauman (37), sekatan bersuara (38, 46). Ia juga menyentuh perihal kursus “Tujuh Tabiat” oleh Stephan Covey (43),<sup>9</sup> dan “Pameran Dunia Gelap”, kawasan setinggian tempat tinggal burung-burung yang suka memberontak, hidup dan mati (45). Pasangan itu berhenti berjalan sejenak. Ilham menerima pelawaan daripada seorang pekebun yang tidak dikenali (“asing”, 55) untuk menggali tanah, kemudian menjadi segar semula, dan meneruskan darmawisata dengan datuknya (50–54). Meminjam inspirasi dari ayat-ayat dari Al-Quran, “beliau berasakan perlu untuk berjalan dengan rendah hati di dunia ini” (52).<sup>10</sup>

Perbualan diteruskan. Ilham terlihat seorang buta “baik hati” (66) yang menolong keluarga setempat turun dari tram; orang tersebut kemudian mengeluarkan tongkat dan beralih dari tempat itu (58–59). Jati tidak melihat orang buta itu tetapi terus memerhatikan dan menyedari bahawa kebanyakan burung-burung dalam taman itu ialah “pendatang” ke Singapura (53); penduduk asal yang hodoh telah dihapuskan (55); kehidupan mereka disekat peraturan yang berlebihan (57), pendatang asing yang biadap (58); dan sekitaran yang dihapuskan secara misteri (21, 69). Komen-komen tersebut seolah-olah mencadangkan perasaan negatif mengenai perkembangan ekonomi dan sosial di Republik ini, dari keadaan asalnya yang merupakan

“paya bakau” ke “destinasi pelancong bertahap dunia” (10).<sup>11</sup> Seperti yang dikatakan Ilham yang masih kanak-kanak: “lanya semata-mata untuk menunjuk-nunjuk dan berkenaan duit” (54).

Jalur kedua naratif merangkumi lebih kurang sedozen peristiwa yang melibatkan burung-burung, kurang daripada yang dipaparkan dalam buku tulisan Attar. Episod pertama ialah paparan kiasan yang biasa: burung hudhud, “pembimbing Raja Sulaiman”, bertemu dengan beberapa spesis burung yang telah datang beramai-ramai ke Persidangan (4-5).<sup>12</sup> Isa memperkenalkan tujuh jenis pencari kebenaran (Attar memperkenalkan dua belas, Wolpe 29-3).<sup>13</sup> Menyusuli perbualan lucu mengenai bahaya manusia ke atas sekumpulan flamingo (6), ciri-ciri negatif pelbagai burung mula muncul, merumuskan catatan Attar, dan burung-burung dikritik dalam persidangan yang berlangsung (10-12). Misalnya, burung merbah jambul yang “mabuk dengan nafsu cinta” ditegur hudhud yang mengatakan ia “terpukau dengan rupa” (11). Nuri yang manis yang “berjalan dengan tertib” yang terikat dengan kesenangannya sendiri (12). Isa kemudian memaparkan burung-burung secara berpasangan: angsa putih dan hitam (15-16); merak dan itik (17-18); burung mayat dan helang (23-24); unggas malam, burung hantu dan lang malam (26-27); ayam hutan dan bangau (29); burung gereja dan cenderawasih (30-33). Burung hudhud mencemuh kesemua mereka kerana terlalu obses dengan kehidupan mereka sendiri, maka tidak tergerak mahu bertemu raja Simuk, yang menabiri Diri Nya di balik cahaya (34). Burung-burung menerima teguran hudhud dan mereka bertelingkah mengenai pemilihan pemimpin (35), yang mesti direstui Tuhan (36). Akhirnya seekor jurucakap meminta hudhud mengajarkan kepada mereka petunjuk Jalan yang diredhai (42).<sup>14</sup>

Secara keseluruhan struktur *Tweet* adalah berlainan dengan *Persidangan Burung*. Dalam *Tweet*, hanya terdapat dua cerita, kisah tunggal Jati dan Ilham yang diselang seli dengan cerita burung-burung. *Persidangan Burung* lebih panjang dan rumit daripada *Tweet*. Setiap cerita seekor burung – kemuliaannya, kelemahannya dan cara bagaimana mengukuhkan keperibadian – disusuli dengan hikayat mengenai sesuatu atau seseorang: seorang sheikh yang tinggal di kedai arak, seorang fakir yang jatuh cinta dengan putera raja, Tuhan yang menegur Nabi Musa, Rabi’ah yang tidak dapat mengunjungi Ka’abah kerana beliau berada dalam keadaan haid, seorang perempuan tua yang mencari kebahagiaan ... seperti tiada aturan atau had pada rangkaian alegori. Attar menggambarkan setiap tahap perjalanan – permulaannya, tujuh lembah, ketibaan burung – dengan lebih terperinci daripada Isa (cf. Wolpe 249-317), di mana burung-burung merungut dan bercakap besar, menyuarakan ketakutan, dan belajar tentang Kekasih (34, Attar: “Burung-burung belajar tentang Kekasih”). Beserta pengumuman pada setiap tahap, berjuta burung meninggalkan jemaah. Akhirnya hanya tiga puluh burung yang tinggal (62-64). Isa lebih ringkas dan khusus mengenai pertemuan tersebut berbanding Attar (64, Attar: “Perjalanan Burung-burung”). Setelah menerangkan bahawa:

Lembah ketujuh dan terakhir ialah Lembah Kepupusan. Hakikat lembah ini ialah kelupaan, kebutaan, ketulian dan kebingungan yang melampau. Bayang-bayang hilang dalam cahaya. Setitik air bertemu lautan, keresahan tenggelam dalam ketenteraman, gerak menyusup diam yang kemudiannya bergetar.

Seterusnya dalam *Tweet*:

Dengan tidak semena-mena tiga puluh ekor burung yang tinggal mula membentuk bulatan yang mengelilingi Hudhud. Mereka kemudian mula menari diiringi muzik dari kayangan yang memukau jiwa. Pada mulanya mereka sendiri terkejut dengan kesediaan mereka untuk menari, namun kemudiannya memilih untuk menuruti alunan tanpa sebarang keraguan. Mereka akur dan menerima hakikat bahawa semua perkara tidak perlu diterangkan atau difahami sebelum ia dianggap benar atau jitu. Mereka hanya perlu menghayati sepenuhnya dengan mendalam (64).

Pada akhir darmawisata di taman burung, Ilham, lelaki hijau dan Jati menari bersama-sama

dihujani cahaya. Jati dan Ilham kemudian didatangi “lelaki buta yang baik hati” (66), yang turut menari bersama mereka. Yang menakutkan hanya terdapat tiga orang di akhir tarian tersebut (66-67); lelaki hijau dan lelaki buta, saya andaikan, ialah manusia yang sama. Burung-burung yang membuat bulatan mengelilingi hudhud turut menari, diselubungi muzik dari syurga (64). Pada saat burung-burung tiba ke akhir perjalanan (70–71), mereka menyedari tentang hakikat: “Simuk” bermakna “tiga puluh burung dalam bahasa Istana.” Mereka ialah “Simuk sebenar” yang mereka cari selama ini (72).

Sepanjang jalan-jalan Ilham dan Jati di taman burung, alam zahir dan alam batin bersatu secara simbolik melalui tokoh “lelaki hijau” yang misterius (16–17, 24–25, 45, 63, 70, 77), yang tidak disentuh Attar. Ilham boleh melihatnya tetapi Jati hanya mengingatnya sebagai seseorang yang pernah bekerja di taman tersebut (73-76). Penjaga burung itu bernama Khidr. Pada akhir naratif bersifat zahir, Jati menceritakan pekerja yang memanjat pohon tinggi, terjatuh dan tenggelam untuk beberapa jam dalam tasik di taman itu (75-6). Dia tidak memahami makna signifikan kerohanian tokoh itu. Teks naratif menjelaskan bahawa Khidr sebenarnya ialah nama Nabi yang wujud “di perbatasan dua dunia” (70).<sup>15</sup> (Pada halaman 70, beliau dikenali sebagai “Penjaga Gerbang”). Kita boleh membahaskan bahawa Nabi Khidr juga memanifestasikan dirinya sebagai pekebun, lelaki buta, penjaga burung yang meninggal dunia sebelum ini, juga “orang asing yang baik hati”. Pada kemunculan terakhir lelaki hijau tersebut, Ilham mendongak dan terlihat sekumpulan burung terbang di atas taman: terdapat, semestinya, tiga puluh burung mengelilingi burung peliharaan Khidr sendiri (77). Tweet tidak memasuki kawasan berisiko panteisme, kekufuran dan kesirnaan, seperti yang terdapat dalam cerita Attar. Keputusan yang diambil kanak-kanak Ilham, seperti yang dipengaruhi lelaki asing tersebut, adalah lebih sederhana jika dibandingkan dengan impian asalnya; dia mahu “terbang dekat seperti anak flamingo merah jambu dan membina tempat tinggal dalam diri seperti burung tempua” (70). Melalui cara yang berasingan dan berlainan, Khidr, lelaki buta, penjaga burung dan pekebun, termasuk datuknya dan burung-burung telah membentuk wawasan yang mendalam dan hebat dalam dirinya.<sup>16</sup>

Dalam Epilog, beberapa tahun kemudiannya, tokoh datuk dan cucu bertemu kembali dalam keadaan domestik berdasarkan kenangan: Jati telah meninggal dunia 30 tahun sebelumnya pada usia 91 tahun (seperti yang tercatat dalam Prolog) dan Ilham kini menjadi ketua di taman burung. Sebagai pengurus, beliau melalui hidup seharian dengan tenang dan subur melalui amalan bertafakur (80-81).<sup>17</sup> Dengan cara sedemikian, falsafah mistik *Tweet* membawa visi estetik dan sosial: bahawa agama tidak perlu “terasing daripada kehidupan bermasyarakat”.<sup>18</sup> Sebagai membawa misi “nabi” daripada “ahli sufi yang mistik”, meminjam daripada istilah yang digunakan Iqbal,<sup>19</sup> dengan apresiasi lahiriah dan estetik terhadap nilai kewujudan manusia, pemahaman Isa mengenai Islam menempatkan dan mengekalkan Ilham di dunia, khususnya di sebuah taman yang indah, seperti hasratnya terhadap Singapura. Dia tidak berhasrat untuk lari dari tanggungjawab di dunia, tetapi jelas bertujuan hidup untuk “berjalan dengan rendah hati” di mana saja beliau berada, seperti yang diajarkan al-Quran.

## Penutup

Tulisan ini memaparkan pengenalan awal mengenai penggunaan *Persidangan Burung* dalam novel *Tweet* karya pengarang besar Singapura, Isa Kamari. Ia merupakan topik yang penting di mana beliau bersedia untuk mencabar pemikiran dan amalan konvensional. Selama tiga dekad beliau telah berusaha memahami secara bertahap-tahap perihal sifat Islam dalam konteks desa dengan keindahannya yang murni; menawarkan perbincangan tentang kemusnahan yang berpunca daripada Islam radikal sebagai kesalahfahaman yang serius tentang bagaimana sejarah umat terdahulu masih relevan dalam dunia kontemporari dan global; dan meneroka dengan berhati-hati jalan mistik sebagai cara untuk mengbah, dan bukan melarikan diri, dari kesengsaraan di dunia. Dengan ringkas, seperti dikatakan Hijaz sebelumnya dalam novel *The Tower* (2010):

“Bagiku seseorang tidak memahami agama jika dia tidak mencintai dan menghargai kehidupan” (120).

Sebagai balasan atas pencariannya, Isa telah dituduh cuba mencipta agama baharu, menghina Nabi, memperlekehkan sejarah Islam, melanggar etika Muslim dan sengaja memperbesarkan isu-isu yang ditanganinya.<sup>20</sup> Kita mungkin menemukan usahanya untuk mempertahankan diri dari tuduhan-tuduhan tersebut dalam Tawassul (2010):

Timbul suatu perasaan aneh dalam jiwaku. Aku merasakan perjalananku kali ini bukan suatu perjalanan lahiriah, tetapi adalah penerokaan ke alam spiritual yang agak mistikal. Sungai yang aku susuri bukan Sanggang tetapi adalah sungai jiwa yang menalikan masa lalu dan masa hadapan. Sungai yang tenang dalam dasar sejarah dan berliuk dalam arus penciptaan yang sentiasa berubah. Sungai yang bertebingkan kebenaran dan beriak dengan kemungkinan. Dan aku serta perahu yang aku naiki adalah pencemaran yang mengotorkan dan mengguris permukaan ketenangan yang sedia ada. Aku adalah anasir yang sedang dan akan menjungkarbalikkan keseimbangan alam nyata dan rohaniah. Aku adalah diayah yang akan memulakan peperangan di antara hakikat dan kebatilan setelah sekian lama wujud dalam gencatan penilaian. Persoalannya ialah sama ada ia perlu? Atau lebih baik jika segalanya usah diganggu dan harus dibiarkan tertimbus? (89)

Adikarya Attar ialah sebahagian daripada masa kini kita. *Tweet* karya Isa mendorong pembaca agar hidup pada saat kini, di sini, secara bermoral dan berestetika, dalam masyarakat yang saling berhubungan rapat, dalam keimanan, dengan penggunaan akal jernih, dan pengabdian yang tidak berakhir kepada yang Satu.

## Nota Akhiran

1 Farid ud-Din Attar *The Conference of the Birds*, Sholeh Wolpe's terjemahan, 2017, ms. 34. Rujuk juga terjemahan oleh Afkham Darbandi and Dick Davis, Penguin Books, 1984, ms. 31. Kisah Yusuf juga terdapat dalam Injil kitab Genesis, bab 37, dan dalam Al-Quran, Surah 12 Yusuf. Nabi Yusuf dihumban ke dalam perigi oleh adik beradik lelakinya tetapi kemudian menjadi orang paling berkuasa di Mesir selepas Firaun. Dalam *Persidangan Burung*, kisahnya ialah alegori penting yang menggambarkan pembebasan daripada ego ke tahap Diri yang spiritual.

2 Kumpulam puisi agamanya baru diterbitkan dengan judul *Pilgrimage*, Ethos, Singapore 2016.

3 Lihat Shahnnon Ahmad (1981), Kassim Ahmad dan Shahnnon Ahmad (1987).

4 Terkecuali ialah puisi Kemala, yang telah menulis tentang pengalaman mistik (lihat *Ayn*, 1982/2010), dan novel *Atheis* oleh pengarang Indonesia Akhdiat Karta Mihardja (1949/1972).

5 Mungkin dua pengarang Anglophone Singapura yang menangani secara meluas tentang pengalaman dalaman agama ialah Hilary Tham and Anne Lee Tzu Pheng. Rujukan juga harus dibuat ke atas buku Andrew Hock Soon Ng, *Intimating the Sacred: Religion in English language Malaysian fiction*, Hong Kong University Press, 2011. Ng membahaskann bahawa: “Fiksi Malaysia dalam Bahasa Inggeris selalu menjerus ke arah agama atau keagamaan” (ms. 1). Beliau merujuk khusus pada karya Lloyd Fernando, Lee Kok Liang, Shirley Lim dan K.S. Maniam.

6 Prolog sepenuhnya dalam Afkham dan Davis 2011.

7 Nombor baris mengikuti Wolpe, dan mungkin berbeza dalam edisi lain

8 Keluasan Taman Burung Jurong di bahagian Barat Singapura ialah 20.2 ekar dan didiami 3000 burung yang terdiri daripada 400 spesis. Terdapat juga sebuah Taman Burung di Lake Gardens di Malaysia yang mendakwa mempunyai “lau burung terbesar bagi burung terbang bebas di dunia”.

9 *Seven Habits of Highly Effective Persons*, Free Press 1989. Tujuh tabiat tersebut ialah: Jadi proaktif; Bermula dengan matlamat terakhir; Utamakan yang utama; Fikir menang-menang; Fahami dahulu, sebelum menuntut difahami; Bersinergi; dan Tajamkan Gergaji (peningkatan berterusan). Nombor tujuh mungkin disejajarkan dengan tujuh lembah pencarian spiritual. Ia merupakan rangkaian peraturan yang konservatif bagi menguruskan hidup.

10 Dari Al-Quran 25: 63 “Dan hamba-hamba Ar-Rahman itu (ialah) orang yang berjalan di atas bumi dengan rendah hati....”

11 Mungkin bukan kebetulan bahawa kata-kata dalam Prolog – “Aku telah menghabiskan sebahagian besar usia membina (taman burung) ini”, adalah sama dengan kata-kata encik Mr Lee Kuan Yew mengenai Singapura, seperti yang dinukil dan ucapan Perdana Menteri Lee Hsien Loong ketika mengumumkan kematian negarawan senior tersebut. Berumur 91 tahun, Lee Kuan Yew

meninggal dunia akibat paru-paru kembang pada pukul 3 pagi pada 23 Mac 2015, di Hospital Besar Singapura.

12 Menurut cerita, Nabi Sulaiman pernah berang apabila menyedari bahawa hudhud hilang dari kumpulan burungnya di istana. Hudhud menjelaskan bahawa ia telah ke tanah Saba di mana rakyatnya menyembah matahari. Kemudiannya permaisuri Saba berkunjung ke istana Nabi Sulaiman dan menerima Allah sebagai Tuhan. Hudhud dianugerahi balong indah yang berwarna warni. Lihat Al-Quran 27: 15–44.

13 Apabila tercatat, segala rujukan ialah pada terjemahan Sholeh Wolpe, 2017. Jika tidak tercatat, rujukan ialah pada Tweet.

14 Dalam *Persidangan Burung*, penyucian akhlak ialah permulaan bagi jalan spiritual.

15 Lihat Al-Quran 18.60–82 tentang cerita Musa dan Khidr. Perhatikan ayat 60: “Dan (ingatlah peristiwa) ketika Nabi Musa berkata kepada temannya: “Aku tidak akan berhenti berjalan sehingga aku sampai di tempat pertemuan dua laut itu (untuk bertemu Khidr) ...” Arkitaip watak “elaki hijau” dalam mitologi British dan Celtic dibahaskan oleh Lady Raglan dalam artikel “The Green Man in Church Architecture”, yang terbit dalam jurnal *Folklore*, Mac 1939.

16 Burung-burung adalah tanda Ketuhanan. “Patutkah mereka menutup mata dan tidak memerhatikan (kekuasaan Allah pada) burung-burung yang terbang di atas mereka, (siapakah yang menjaganya ketika) burung-burung itu mengembangkan dan menutup sayapnya? Tidak ada yang menahannya (daripada jatuh) melainkan (kekuasaan) Allah yang Maha Pemurah. Sesungguhnya Ia Maha Melihat serta Mengetahui segala sesuatu.” Al-Quran, 67.19.

17 Jika Jati dapat dikaitkan dengan Lee Kuan Yew, seperti yang saya cadangkan di atas, maka Ilham telah menjadi Presiden atau Perdana Menteri republik ini! Dan beliau telah menjadikannya tempat yang lebih indah menerusi penghayatan takwa yang tulus.

18 *The Tower*, ms. 120.

19 Dalam bukunya *Reconstruction of Religious Thought in Islam*, Iqbal menceritakan tentang ahli Sufi Abd al-Quddus, yang membicarakan tentang israk dan mikraj Nabi Muhammad serta kepulangannya ke dunia seperti berikut: “Muhammad dari jazirah Arab telah naik ke langit tertinggi dan pulang. Aku bersumpah jika aku sendiri sampai ke aras langit sedemikian aku tidak akan pulang.” Iqbal kemudian menegaskan: “Dalam korpus sastera Sufi, adalah amat payah menemukan kata-kata, dalam satu ayat, yang mendedahkan tanggapan halus dan tajam tentang perbezaan psikologi antara penghayatan kenabian dengan penghayatan mistik dalam kesedaran manusia. Si Sufi yang mistik tidak akan mahu kembali dari makam ‘penyatuan’, dan jika pun dia kembali, kepulangannya tidak bermakna apa-apa kepada kemanusiaan secara amnya. Kepulangan Nabi pula adalah kreatif. Nabi pulang untuk memasukkan dirinya ke dalam keberadaan aliran masa dengan matlamat untuk mengendalikan dan mengarahkan perjalanan sejarah ...” (99).

20 Perbincangan peribadi, 27 October 2017.

## Daftar Pustaka

- Ahmad, Kassim dan Shahnon. *Polemik Sastera Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Ahmad, Shahnon. *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1981.
- Andrew Hock Soon Ng. *Intimating the Sacred: Religion in English Language Malaysian Fiction*. Hong Kong: University Press, 2011.
- Attar, Farid ud-Din. *The Conference of the Birds*, terjemahan Afkham Darbandi dan Dick Davis. Harmondsworth: Penguin Books, 1984.
- \_\_\_\_\_. *The Conference of the Birds*, terjemahan Sholeh Wolfe. New York: Norton, 2017.
- Iqbal, Mohammad. *The Reconstruction of Religious Thought in Islam*. Stanford: Stanford University Press, 2013.
- Aveling, Harry. "1819: Isa Kamari on the Foundation of Singapore", *Asiatic, IIUM*, 8, no.2, 2016.
- Jahangiri, Ailar Moghaddam dan Amin Karimnia. "Attar and the West". Dalam *Khazar Journal of the Humanities and Social Sciences*. n.d. Tiada nombor jumlah.  
<http://jhss-khazar.org/wp-content/uploads/2010/04/newmeqale-4-Amin-Karimnia-3-1.pdf> [dirujuk pada 8 November 2017].
- Kamari, Isa. *Intercession*, terjemahan Sukmawati Sirat dan Alvin Pang. Singapore Marshall Cavendish, 2010.
- \_\_\_\_\_. "Some Personal Reflections on Political Malay Identity in Contemporary Singapore Malay Novels". In *Reading the Malay World*, ed. . Hosking, Susan Hosking, Noritah Omar, and Hashima Che Dan. Kent Town SA: Wakefield Press, 2010.
- \_\_\_\_\_. *The Tower*, terjemahan Alfian Sa'at. Singapore: Epigram Books, 2010.
- \_\_\_\_\_. *Tweet*, Singapore: Kitaab, 2016.
- Kemala. *Ayn Poems of Faith*, terjemahan Hafiz Arif. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2010.
- Lewisohn, Leonard dan Christopher Shackle, eds. *Attar and the Persian Sufi Tradition*. London: Tauris, 2006.
- Mihardja, Akhdiat Karta. *Atheis*, pen. R.J. Maguire St Lucia: University of Queensland Press, 1972.
- Rahim, Lily Zubaidah. *The Singapore Dilemma: The Political and Educational Marginality of the Malay Community*. Kuala Lumpur Oxford University Press, 1998.
- Kidwai, Shafey. "The magic of allegory", *The Hindu*, 17 February 2017. <https://www.thehindu.com/society/the-magic-of-allegory/article17321303.ece>.

**Lampiran:****Tujuh Lembah**

“Lembah pertama ialah Lembah Pencarian. Bila kamu masuk ke dalamnya, kamu akan bertemu dengan ratusan rintangan dan cabaran. Kamu perlu meninggalkan segala sesuatu yang berharga kepadamu. Bila kamu pasti tidak memiliki apa-apa, kamu masih perlu membebaskan diri. Hanya setelah itu kamu akan diselamatkan daripada kemusnahan. Kamu akan dapat melihat Cahaya Suci. Barangsiapa yang masuk ke dalam lembah ini akan merasakan rindu.” (Tweet, 62)

“Lembah kedua ialah Lembah Cinta. Untuk memasukinya kamu harus bertukar menjadi Api. Wajah pencinta mesti bernyala seperti api. Cinta yang benar tidak mengenal segala kepentingan dunia yang muncul sebagai asap atau kabus.” (Tweet, 62)

“Lembah ketiga ialah Lembah Pengampunan. Lembah ini tiada mulanya atau akhirnya. Pengampunan ialah teman setia bagi pengembara. Setiap jiwa menerima darjat cahaya bergantung kepada tindakannya, bagi sesiapa sahaja yang akur dan menerima Kebenaran.” (Tweet, 62–63)

“Lembah keempat ialah Lembah Kebebasan. Tiada hasrat untuk memiliki. Juga tiada keinginan untuk mencari dan menemukan. Di dalam lembah ini tiada yang baharu atau lama. Kamu boleh berbuat sesuatu ataupun tidak.” (Tweet, 63)

“Lembah kelima ialah Lembah Kesatuan. Dalam lembah ini segala-galanya pecah menjadi butir-butir kecil yang kemudian menjadi satu kembali. Walaupun kamu melihat kewujudan yang banyak dan bertindan, pada hakikatnya ia hanya satu. Keabadian pupus. Segalanya menjadi tiada.” (Tweet, 63)

“Lembah keenam ialah Lembah Kepiluan. Ia ialah lembah kesedihan. Dalam lembah ini hanya ada rintihan dan kerinduan yang mendalam. Adakah kamu wujud atau tidak wujud? Adakah kamu di tengah atau di tepi? Adakah kamu fana atau baqa? Jawapannya: Aku tidak tahu apa-apa. Aku tidak mengenal diriku sendiri. Aku mencintai tetapi tidak tahu dengan siapa aku bercinta. Pada saat yang sama hatiku penuh dan kosong dengan Cinta!” (Tweet, 63–4)

“Lembah ketujuh dan terakhir ialah Lembah Kepupusan. Hakikat lembah ini ialah kelupaan, kebutaan, ketulian dan kebingungan yang melampau. Bayang-bayang hilang dalam cahaya. Setitik air bertemu lautan, keresahan tenggelam dalam ketenteraman.” (Tweet, 64)

Untuk merujuk pada terjemahan teks asal, yang merangkumi penerangan dan hikayat, lihat Wolpe, 252, kemudian Lembah Pencarian, 253–261; Cinta, 262–271; Ilmu, 272–279; Kezuhudan, 280–289; Kesatuan, 290–297; Pesona, 298–295; Kefakiran dan Kesirnaan, 306–317. Juga Darbandi dan Davis, 166–214,